


Kata pengantar oleh **AHYAT ISHAK**

KOMPAS KEPIMPINAN

KEPIMPINAN MENGHARUNGI ABAD KE-21



4092

OH

JOHAN IRWAN KAMARUZAMAN



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



30 6 20


L1

KOMPAS KEPIMPINAN

KEPIMPINAN MENGHARUNGI ABAD KE-21

To Perdana library,

Leaders are readers.
Let's build a better leaders!



30/6/2022

PUSTAKA PERDANA



1013189

JOHAN RWAN KAMARUZAMAN



LEAP
leadership academy



Diterbitkan oleh:

Leap Leadership Academy Sdn. Bhd.

BP-1-18, Block B, Jalan BPD 1,

D'Alpinia Business Park,

47100 Puchong Selangor

Website: www.leap.com.my

Email: info@leap.com.my

Cetakan pertama Mei 2022

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Johan Irwan Kamarozaman, 1983-

KOMPAS KEPIMPINAN : KEPIMPINAN MENGHARUNGI ABAD KE-21 /

JOHAN IRWAN KAMARUZAMAN.

ISBN 978-967-16775-1-3

1. Leadership.

2. Development leadership.

3. Transformational leadership.

I. Judul.

658.4092

© 2022 Johan Irwan Bin Kamarozaman

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi dan isi kandungan dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Segala strategi yang digariskan dalam buku ini mungkin tidak sesuai untuk semua individu dan tiada jaminan dikeluarkan untuk setiap keputusan yang diambil. Segala nasihat, cadangan dan idea adalah sebagai panduan asas dan nasihat profesional mungkin diperlukan.

Tiada jaminan dibuat berkenaan ketepatan atau kesempurnaan maklumat yang terkandung di dalamnya, bagi kedua-dua penulis dan penerbit secara khusus tidak bertanggungjawab terhadap apa jua liabiliti, kerugian atau risiko, peribadi mahupun sebaliknya, yang berlaku akibat secara langsung atau tidak langsung daripada penggunaan dan aplikasi daripada kandungan buku ini.

KOMPAS KEPIMPINAN

Daftar Kandungan

Kata Pengantar (Foreword)

vii

Prakata

1

Bab 1: Perubahan

4

Nokia Tidak Bermula Sebagai Sebuah Syarikat Telekomunikasi

6

Avon Tidak Bermula Sebagai Syarikat Kosmetik

7

Tiffany & Co. Tidak Bermula Dengan Menjual Barang Kemas

9

Coca-Cola Tidak Bermula Dengan Menjual Minuman

10

Mereka Tidak Berakhir Dimana Mereka Bermula

12

Perubahan Pada Abad ke-21

13

Bab 2: Kepimpinan

16

Jatuh Bangun Melaka Kerana Kepimpinan

17

Kebolehan Memimpin

19

McDonalds Tidak Dapat Mengembangkan Perniagaan Mereka

21

Apple dan Steve Jobs

23

Tingkatkan Kepimpinan atau Serahkan Tugas Untuk Memimpin

27

Mitos Mengenai Kepimpinan

28

Apa itu Kepimpinan?

30

Bagaimanakah Kita Boleh Menjadi Pemimpin Yang Baik?

32

Bab 3: Cabaran Kepimpinan Abad ke-21

36

Perubahan Dalam Setiap Abad

38

Transisi Abad ke-20 dan Abad ke-21

41

Kelebihan Otak Kanan

47

Kepimpinan Dalam Dunia VUCA

50

Jatuhnya Syarikat Gergasi

51

Mengemudi Dunia VUCA

54

Bab 4: Kesedaran Diri (Self-Awareness)

57

Kepentingan EQ - Emotional Intelligence

59

Mengenal Kekuatan Dan Kelemahan Diri

59

Apakah Kisah Hidup Anda?

63

Tan Sri Tony Fernandes - Now Everyone Can Fly

63

Howard Schultz - A Company My Father Would Be Proud To Work At	65
Memahami Kisah Hidup Kita Membuatkan Kita Jelas Dengan Nilai Diri	67
Dari Seorang Engineer Menjadi Speaker	68
Buat Keputusan Berdasarkan Identiti	74
Introspeksi	77
Bab 5: Daya Tahan (Resilience)	81
Honda - The Power of Dreams	84
Dyson Berjaya Setelah 5,217 Percubaan	87
Kegagalan Sebagai Penganjur Program Kepimpinan	90
Kegagalan Merupakan Batu Locatan Kepada Kejayaan	94
Post-Traumatic Growth	95
Oprah Winfrey Bangkit Dari Kisah Silam	97
Setiap Kegagalan Datang Dengan Benih Kejayaan	98
Bab 6: Keterlibatan (Engagement)	104
Hanya 13% Pekerja Engaged Di Tempat Kerja	106
Tiga Faktor Kenapa Seseorang Mendapat Kenaikan Pangkat	110
Autonomi - 'Teknologi' untuk Engagement	112
Boss Atau Leader	115
Alignment dan Autonomy	118
Gallup Mencadangkan Coaching	121
Memberikan Penghargaan	126
Bab 7: Memimpin Adalah Berkhidmat	132
Motif Memimpin	134
Jurang Kuasa - Power Distance Index	137
Apakah Yang Rakyat Malaysia Mahukan Daripada Pemimpin?	140
Malaysia Negara Merdeka	142
Penjajahan Alaf Baru	144
Kepimpinan Bukan Keistimewaan, Tetapi Tanggungjawab	146
Penutup	149
Bibliografi	151
Biodata Penulis	155



Kata Pengantar (Foreword)

Mungkin terdapat ramai guru kepimpinan di luar sana, sama ada di Malaysia mahupun di peringkat Antarabangsa. Tetapi bagi saya orang yang saya tuju untuk topik kepimpinan ialah Johan Irwan Kamarozaman.

Mengapakah saya memilih Johan? Saya melihat Johan sebagai seorang pakar dalam bidang kepimpinan yang telah membantu saya mengembangkan *gaya kepimpinan* (leadership style) saya sendiri. Mungkin ada guru kepimpinan lain yang memperkenalkan gaya tertentu, tetapi Johan boleh membantu anda untuk membina gaya kepimpinan yang paling sesuai dengan anda. Dalam erti kata lain, beliau mampu membuka potensi sebenar anda sebagai seorang pemimpin. Bukan terikut-ikut dengan gaya kepimpinan orang lain.

Masih jelas dalam ingatan saya pada tahun 2015, saya mengambil siri *leadership personal coaching* dengan Johan. Sesi dalam talian selama satu jam yang biasanya berakhir sehingga satu jam setengah; setiap Rabu jam 10 malam dan biasanya tamat sehingga ke tengah malam. Dalam setiap sesi, Johan berkongsi konsep kepimpinan dan ia sangat membantu saya memahami apa itu kepimpinan. Dan berdasarkan pemahaman saya pada ketika itu, ia membentuk satu perspektif kepimpinan yang menjurus kepada saya menemui kepimpinan saya yang sebenar.

Sekarang, saya sebagai seorang pemimpin, banyak perkara yang saya laksanakan adalah bertitik tolak daripada konsep kepimpinan yang saya pelajari daripada sesi *coaching* dan sepanjang persahabatan saya dengan Johan. Dan saya berbangga untuk mengatakan bahawa saya mempunyai gaya kepimpinan saya sendiri yang sangat unik, yang lebih holistik dan merangkumi kepelbagaian sudut yang luas. Lebih-lebih lagi di Malaysia khususnya, walaupun asasnya konsep kepimpinan adalah sama, namun kepimpinan di Malaysia mempunyai ciri-ciri yang sedikit istimewa. Jadi, saya perlukan gaya kepimpinan yang sedikit istimewa untuk diterjemahkan dalam konteks tempatan, yang hasilnya ia bukan sahaja dihormati dari kalangan warga tempatan, malah bagi mereka di luar negara.

Dan satu perkara yang saya sangat kagum dengan Johan adalah bagaimana beliau mempunyai ilmu yang sangat mendalam berkenaan topik kepimpinan. Saya belum pernah jumpa orang lain yang boleh menamakan konsep, merujuk pelbagai buku berserta pengarangnya, mengupaskan konsep, frasa yang digunakan, dan menterjemahkan pelbagai teori serta definisi kepimpinan sepertimana yang dapat dilakukan oleh Johan. Beliau membaca setiap sudut kepimpinan dengan baik. Mungkin orang lain juga banyak membaca, tetapi kebanyakannya tidak dapat benar-benar mengupas konsep kepimpinan atau memahaminya dengan mendalam. Ini antara satu sudut yang saya rasa benar-benar bertuah kerana mempunyai pengalaman untuk belajar kepimpinan

daripada Johan terutama semasa saya dalam fasa mengembangkan organisasi dan perniagaan saya.

Jadi, saya sangat mengesyorkan semua orang, jika anda ingin mengetahui tentang apa sebenarnya kepimpinan, dan jika anda ingin menemui potensi kepimpinan anda dan gaya kepimpinan terbaik yang sesuai dengan anda, maka anda perlu belajar daripada seseorang yang saya anggap mempunyai warna-warni dan serba boleh, seorang yang membaca dengan baik, dan seorang yang hidup, tidur, makan dengan kepimpinan. Apa yang saya maksudkan adalah kepimpinan seolah sebahagian dari darah daging beliau. Sepertimana juga orang melihat Ahyat dalam bidang hartanah, saya percaya orang juga melihat Johan mempunyai kepakaran dalam bidang kepimpinan. Seseorang yang telah meletakkan begitu banyak usaha dan mendedikasikan kehidupan beliau mengkaji tentang topik kepimpinan.

Buku Kompas Kepimpinan ini merupakan manifestasi pengetahuan beliau dalam topik kepimpinan. Semoga ia memberikan manfaat kepada pembaca.

Ahyat Ishak

Pengasas Komuniti Pejuang Hartanah

Prakata

Disember 2021, saya dijemput untuk memberikan pembentangan tentang kepimpinan di salah sebuah syarikat berpengkalan di Shah Alam sempena program pembangunan bakat yang mereka anjurkan. Selepas hampir dua jam berada di atas pentas memberikan pembentangan serta menjawab beberapa soalan, datang salah seorang peserta kepada saya.

Kata beliau, "Encik Johan bagus lah pembentangan ini. Kenapa Encik Johan tidak menulis buku supaya ia memberikan inspirasi dan manfaat kepada lebih ramai orang di luar sana."

Mendengar cadangan daripada peserta tersebut, saya merasakan terdapat satu keperluan dalam diri saya untuk menerbitkan sebuah buku supaya kandungan tentang perspektif saya mengenai kepimpinan dapat disebarikan kepada seberapa ramai orang yang boleh.

Melihat kepada perkembangan negara, saya berpendapat kita mempunyai krisis kepimpinan. Dari sudut politik, dunia korporat, perniagaan, malah dalam pertubuhan bukan kerajaan, pada pendapat saya kita kekurangan pemimpin yang berkebolehan dalam memimpin organisasi dengan baik. Mungkin salah satu faktor adalah

tidak ramai yang bercakap mengenai pembangunan kepimpinan, sebaliknya kita banyak bercakap tentang ekonomi dan keuntungan.

Saya mula minat untuk mengkaji tentang kepimpinan sejak tahun 2011 selepas saya mengkordinasikan sebuah program kepimpinan untuk sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Kami mengatitkan barisan pensyarah dari universiti tempatan dan antarabangsa. Apa yang saya perhatikan sebagai urusetia, saya sendiri semakin bingung tentang kandungan yang disampaikan.

Banyak kandungan tentang kepimpinan sebenarnya sudah tidak lagi relevan kerana dunia sudah menuju ke abad ke-21. Dunia sudah berubah dan banyak peraturan-peraturan juga sudah berubah. Kita tidak lagi boleh memimpin seperti dahulu. Kepimpinan memerlukan satu paradigma yang baru yang sesuai dengan peredaran zaman.

Malaysia merupakan sebuah negara yang sangat berpotensi menjadi sebuah negara yang maju. Dan kita mempunyai ramai bakat yang berkebolehan dalam melakukan pelbagai perkara. Dan sekiranya kita dapat memperkukuhkan kepimpinan dalam negara kita, saya pasti kita boleh terkehadapan berbanding kebanyakan negara yang lain.

Topik kepimpinan kebiasannya dianggap sebagai satu topik yang berat. Sarat dengan pelbagai teori dari pelbagai kajian. Tetapi sepanjang saya mempelajari topik kepimpinan, apa yang saya dapat simpulkan ia bukanlah satu topik yang kompleks, tetapi penerangan yang diberikan kadangkala menjadikan topik ini sangat rumit.

Dalam saya menulis buku ini, saya cuba untuk menyampaikan dalam bahasa yang mudah serta berbentuk penceritaan supaya konteks dapat disampaikan dengan baik. Saya menitik beratkan penyampaian yang jelas, berbanding mencari fakta yang tepat. Saya juga menggunakan beberapa perkataan dalam bahasa inggeris kerana ada perkataan yang sukar diterjemahkan dengan takrifan yang tepat menggunakan bahasa melayu.

Saya harap dengan buku ini, ia dapat memberikan sedikit panduan serta memberikan perspektif baru dalam kita melihat kepimpinan. Ia bukanlah sebuah panduan lengkap, kerana topik kepimpinan sangat luas dan memerlukan proses yang berterusan dalam kita membina daya kepimpinan. Saya juga berharap dengan buku ini, ianya menjadi asbab kepada lebih ramai pembaca membuat keputusan untuk menjadi pemimpin dan tidak menyerahkan tugas memimpin kepada orang yang sebenarnya tidak layak untuk memimpin.

Bab 1: Perubahan

*"Manusia merancang dan Allah juga merancang namun perancangan Allah yang terbaik."
(Ali Imran 3:54)*

Setiap daripada kita tentu ada perancangan dan matlamat yang kita tetapkan. Dari perancangan perniagaan, organisasi, jawatankuasa dan perancangan negara. Semua perlukan perancangan.

Tetapi adakah setiap kali kita merancang ia berakhir sepertimana apa yang dirancangan? Saya kurang pasti dengan anda tetapi pada pengalaman saya, belum tentu apa yang kita rancang akan menjadi kenyataan.

Semasa kecil kita mempunyai cita-cita dan impian. Ada sesetengah dari kita yang mencapai cita-cita, ada yang tidak. Ada juga usahawan yang membuat perancangan perniagaan. Ada yang mencapai apa yang dirancang dan ada yang tidak.

Adakah tidak mencapai apa yang dirancang itu tidak bagus? Tidak!
Adakah kita tidak perlu merancang? Tidak!

*"In preparing for battle I have always found that plans are useless,
but planning is indispensable."
- Dwight D. Eisenhower*

Sepertimana kata-kata General Dwight Eisenhower yang juga pernah menjadi Presiden Amerika Syarikat, "Dalam membuat persediaan untuk berperang, saya mendapati perancangan tidak berguna, tetapi perancangan sangat diperlukan."

Perancangan sangat penting, tetapi kita tidak perlu sentiasa berharap semua berlaku sepertimana yang kita rancang.

Nokia Tidak Bermula Sebagai Sebuah Syarikat Telekomunikasi

Tahun 1999, sebuah model telefon baru sahaja dilancarkan. Rekaan oleh Alastair Curtis di Los Angeles, Nokia melancarkan model terbaru mereka Nokia 3210.

Saya masih ingat, saya berada di Lahad Datu ketika itu menggunakan model Nokia 5110 (model popular sebelum 3210). Setiap kali berjalan di bandar saya pasti akan mengintai kedai telefon memerhatikan model Nokia 3210. Beberapa bulan selepas itu memiliki model tersebut.

Dengan slogan "*we call this human technology*" model Nokia 3210 merupakan salah satu model terlaris sepanjang zaman dengan penjualan mencecah 160 juta unit.

Tahun 1998 Nokia merupakan jenama telefon mudah alih terlaris di dunia, mengambil alih kedudukan syarikat Motorola. Jumlah jualan mencecah \$20 billion dengan menguasai 30% bahagian dalam pasaran.

Nokia juga merupakan syarikat pertama menghasilkan telefon GSM pada tahun 1990 dan syarikat pertama mengeluarkan telefon mudah

alih dengan ciri kamera pada tahun 2003. Dan Nokia mencapai zaman kemuncak pada tahun 2009 apabila tersenarai dalam Fortune 500 di tempat ke-85. Kita mengenali Nokia sebagai sebuah syarikat gergasi dalam dunia telekomunikasi.

Tetapi Nokia tidak bermula sebagai sebuah syarikat telekomunikasi. Nokia diasaskan pada tahun 1865 oleh Fredrik Idestam, seorang jurutera perlombongan yang pada mulanya menjalankan perniagaan kilang kertas. Dan mereka berubah mengikut zaman.

Avon Tidak Bermula Sebagai Syarikat Kosmetik

Anda juga mungkin pernah mendengar jenama Avon. Avon merupakan syarikat kosmetik terkemuka di dunia. Sejak kecil saya melihat produk Avon di rumah yang diedarkan oleh nenek saya yang pada ketika itu bekerja sebagai seorang jururawat.

Avon kini merupakan syarikat kecantikan ke-empat terbesar di dunia dengan hasil jualan lebih \$9 billion setahun. Avon merupakan syarikat jualan langsung kedua terbesar di dunia dibelakang Amway.

Avon merupakan sebuah syarikat dengan perjuangan untuk memperkasakan golongan wanita dalam memberikan mereka kebebasan ekonomi dengan menjadikan penasihat kecantikan

mereka mampu menentukan masa depan mereka sendiri. Mereka percaya dengan demokrasi kecantikan bagi golongan wanita dan banyak menyokong inisiatif kesamarataan gender. Mereka menggerakkan inisiatif kesejahteraan golongan wanita seperti kanser payudara dan keganasan terhadap kaum wanita.

Kita mungkin mengenali Avon sebagai sebuah kecantikan buat golongan wanita. Tetapi Avon bukanlah diasaskan sebagai syarikat kecantikan, malah bukan diasaskan oleh wanita.

Avon diasaskan oleh David H. McConnell yang pada mulanya merupakan seorang jurujual buku. David McConnell menjual buku dari rumah-ke-rumah, beliau mengetuk pintu dan cuba untuk meyakinkan pelanggan untuk membeli buku. Tetapi beliau mendapati sukar untuk menjual buku, lalu beliau memberikan hadiah minyak wangi untuk membantu melariskan jualan.

McConnell mendapati pembeli sebenarnya lebih berminat untuk mendapatkan minyak wangi tersebut berbanding membeli buku. Akhirnya beliau membuat keputusan untuk menjual minyak wangi berbanding menjual buku. Penjualan buku dihentikan untuk beliau fokus pada pengeluaran minyak wangi dan mengasaskan syarikat California Perfume Company sebelum menukar nama syarikat kepada Avon setelah beliau menambah pelbagai produk kecantikan lain.

Tiffany & Co. Tidak Bermula Dengan Menjual Barang Kemas

Kebanyakan wanita mungkin pernah mendengar jenama Tiffany & Co. Jenama ini megah dilihat di Pavilion Bukit Bintang dan di Suria KLCC. Tiffany & Co. dikenali sebagai syarikat pengeluar barang kemas mewah terutama barangan berlian, emas dan *Sterling Silver*. Tiffany & Co. pada tahun 2021 telah dibeli oleh syarikat Louis Vuitton yang berpangkalan di Paris dengan nilai \$15.8 billion.

Walaupun Tiffany & Co. dikenali sebagai syarikat yang menjual barang kemas, mereka tidak bermula dengan menjual barang kemas.

Jenama Tiffany & Co. diasaskan oleh Charles Lewis Tiffany bersama rakan sekolah beliau John B. Young. pada tahun 1837 di Brooklyn Connecticut sebagai syarikat yang menjual alat tulis. Charles Tiffany meminjam \$1,000 daripada ayah beliau untuk dijadikan modal perniagaan.

Perniagaan alat tulis seakan tidak mendapat sambutan pada ketika itu. Mereka terpaksa merubah strategi dengan menjual barangan kaca, pasu, sudu/garfu, dan barangan kemas. Beliau mula dikenali

dengan menjual Bohemian Glass dan kemahiran beliau dalam membuat barangan kemas.

Beliau seterusnya menukar nama syarikat kepada Tiffany & Co. dengan memberikan fokus kepada barangan kemas. Syarikat Tiffany antara yang pertama mencadangkan penggunaan cincin berlian sebagai simbol keabadian cinta dan meletakkan standard dalam perak yang dikenali sebagai *Sterling Silver*.

Coca-Cola Tidak Bermula Dengan Menjual Minuman

Siapa tidak pernah minum Coca-Cola? Diseluruh pelosok dunia pasti pernah menikmati kesegaran air berkarbonat Coca-Cola. Iklan Coca-Cola juga sering kita lihat mempromosikan jenama mereka dengan slogan '*Refreshing the World. Make a Difference.*'

Jenama Coca-Cola sudah lebih 85 tahun bertapak di Malaysia dan kini ia merupakan jenama terkemuka dalam dunia minuman. Hampir di setiap restoran makanan segera pasti akan menyajikan minuman Coca-Cola sebagai menu utama minuman mereka.

Walaupun Coca-Cola dikenali sebagai jenama minuman, ia tidak bermula dengan niat untuk menjadikan resipi Coca-Cola sebagai

Dunia sudah berubah. Menjelang abad ke-21 perubahan berlaku dengan sangat pantas. Kita memerlukan lebih ramai pemimpin untuk mengemudi dunia pada zaman VUCA. Landskap kepimpinan juga telah berubah. Kepimpinan tidak lagi dilihat oleh mereka yang mempunyai jawatan atau mereka yang berada di atas. Sebaliknya kepimpinan wujud di pelbagai peringkat dan setiap daripada kita boleh memainkan peranan.

Bagai bahtera yang sering dilambung badai, pemimpin perlu sentiasa mengemudi berdasarkan perubahan ombak yang sentiasa berlaku dalam menavigasi halatuju. Dalam kajian yang dijalankan oleh AON Hewitt tentang Top Companies for Leaders, mereka menggariskan tiga ciri utama organisasi yang berjaya dalam mengemudi dunia VUCA. Buku ini membincangkan mengapa kepimpinan penting dalam mengharungi dunia pada abad ke-21 dan mengupas dengan lebih lanjut bagaimana seorang pemimpin boleh menjadi lebih efektif dalam mencipta masa depan yang lebih baik.

www.kompaskepimpinan.com

Harga: RM36.90

ISBN 978-967-16775-1-3



LEAP
leadership academy

Diterbitkan oleh:

Leap Leadership Academy Sdn. Bhd.

www.leap.com.my

info@leap.com.my